



SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

TARIKH

23 - 24 Disember 2009 / 06 - 07 Muharam 1431H

TEMPAT

**Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor,
Shah Alam**

UNDANG-UNDANG KELUARGA BUKAN ISLAM

Oleh:

Prof Madya Dr Najibah Md Zin
Jabatan Undang- Undang Islam,
Kuliyyah Undang- Undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ANJURAN

**Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor (PUMSEL)
Dengan Kerjasama
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)**

UNDANG-UNDANG KELUARGA BUKAN ISLAM

Simposium antarabangsa Fiqh al zimmah
23-24th Disember 2009
Selangor

Muqaddimah

- Undang-undang Bertulis dan adat (Chinese custom, Hindu, common law)
- Sebelum Undang-undang Membaharui 1976- poligami dibenarkan kecuali kepada Hindu Tamil ceylon

Selepas UUMembaharui 1976

- Monogami
- Pengupacaraan perkahwinan
- Pendaftaran perkahwinan
- Undang-undang berkaitan perceraian
- Penjagaan dan pemeliharaan
- Sahtaraf
- Pembahagian harta

Upacara perkahwinan

- Perkahwinan sivil
- Upacara keagamaan atau adat
- Perkahwinan perlu didaftarkan. Jika tidak didaftar- ada dua pandangan sama ada batal atau tidak batal perkahwinan. Mahkamah cenderung mengatakan batal dengan sebab tidak didaftarkan.

- Mengiktiraf semua perkahwinan yang dilakukan sebelum UUM 1976 sebagai sah termasuk juga perkahwinan poligami yang dilangsungkan sebelum UUM 1976
- Perkahwinan dianggap berterusan sehingga berlakunya;
 - Kematian
 - Perintah mahkamah
 - Perintah pembatalan perkahwinan

Perkahwinan batal jika

- Poligami
- Pihak-pihak dibawah umur perkahwinan, 18 tahun. Bagi perempuan, boleh berkahwin bawah 18 tetapi tidak kurang dari 16 tahun dengan kebenaran mahkamah
- Berkahwin dengan orang yang dilarang berkahwin kecuali bagi orang Hindu-boleh berkahwin dengan anak saudara sebelah ibu
- Bukan lelaki atau perempuan

Perkahwinan cacat jika;

- Tidak dapat melakukan (incapacity) persetubuhan
- Sengaja tidak mahu melakukan persetubuhan
- Kahwin paksa, tersalah atau gila
- Penyakit berjangkit
- Perempuan itu mengandung dengan orang lain selain dari suaminya

Perceraian

- Perceraian melalui persetujuan bersama-kedua pihak mesti hadir di mahkamah
- Kepecahbelahan perkahwinan
 - Berzina
 - Meninggallangsung
 - Perbuatan atau perangai yang tidak munasabah
 - Sudah tidak tinggal bersama
- Petisyen boleh dibuat selepas 2 tahun perkahwinan

- **Pertukaran agama s.51**
 - Hanya pihak yang tidak memeluk Islam sahaja boleh memohon
 - Mahkamah akan membuat perintah lain yang berkaitan seperti hak jagaan anak, nafkah dan hak jagaan
 - Yang memeluk Islam tidak boleh memohon di bawah seksyen ini
 - Mencetuskan konflik undang-undang

Nafkah isteri

- Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1950
- Akta Perempuan Bersuami dan kanak-kanak (Akta Perlaksanaan Perintah) 1968
- Suami bertanggungjawab membayar nafkah isteri jika ia tinggal dengan suaminya atau berasingan dengan sebab yang munasabah
- Isteri tidak berhak jika;
 - Berzina
 - Menolak untuk tinggal dengan suami tanpa sebab yang munasabah

Nafkah isteri di bawah UUM 1976

- Mahkamah boleh perintahkan suami atau isteri dalam keadaan tertentu
- Bayar secara lump sum-iktiraf tanggungjawab untuk menanggung sudah tidak wujud selepas perceraian
- Secara umum, suami mesti membayar nafkah isteri selepas bercerai kecuali;
 - Berzina
 - Berkahwin semula

Nafkah anak

- Perintah boleh dibuat selepas perceraian, judicial separation atau dalam masa perkahwinan
- Setakat umur 18 tahun walaupun masih belajar
- Boleh perintahkan ibu jika dia mempunyai harta/keupayaan atau kedua-duanya
- Boleh tuntutan tunggakan nafkah setakat tiga tahun sahaja

Harta sepencharian (s.76)

- Harta diperolehi dalam masa perkahwinan
 - Usaha sama
 - Usaha tunggal
 - Diperolehi sebelum kahwin tetapi telah dimajukan dalam masa perkahwinan
- Jenis harta- capital dan revenue;
 - Wang simpanan
 - Wang KWSP
 - Insurance
 - Saham
 - Pelaburan etc

Penjagaan dan pemeliharaan

- Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 (Msia Barat)
- UUM 1976
- Akta 1961-tugas penjaga
 - Hak yang sama antara ibu dan bapa
 - Terdapat dua pandangan sama ada terpakai kepada anak sah taraf atau tidak
 - Kebajikan kanak-kanak asas utama

- UUM 1976;
 - Kebajikan kanak-kanak
 - Kehendak ibubapa
 - Kehendak kanak-kanak-jika sudah mumaiyyiz
 - Penaaja bertanggungjawab memastikan pembelajaran sama ada fizikal dan juga spiritual dipenuhi
- Pengecualian
 - Agama dan adat bergantung kepada kehendak ibu bapa (perkara 12(4))

sahtaraf

- Kanak-kanak boleh disahtaraf;
 - Akta Keterangan 1950, s. 112 melalui perkahwinan atau anak itu lahir 280 hari selepas perceraian
 - Legitimacy Act 1961- melalui perkahwinan ibu bapa selepas kelahiran
 - Akta Pengangkatan 1952- melalui proses pengangkatan dan perintah mahkamah
 - Mempunyai hak yang sama dengan anak yang sahtaraf